

157 mangsa dipindahkan ke tiga pusat pemindahan

Gelombang kedua di Pahang

Oleh SHAHRINNAHAR LATIB
nahr.latib@utusan.com.my

KUANTAN 31 Dis. - Gelombang banjir kedua mula melanda negeri ini apabila sebanyak 157 mangsa membabitkan 32 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir di daerah ini berikutan hujan lebat sejak awal pagi ini.

Kesemua mangsa tersebut dipindahkan ke pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Galing melibatkan sebanyak 98 mangsa diikuti Dewan Balok (50) dan SK Sungai Ular (9).

Menurut laman web Majlis Keselamatan Negara (MKN), kesemua mangsa merupakan penduduk dari Kampung Haji Wan Musa, Kampung Sungai Ular, Kampung Galing dan Taman Sri Kuantan.

"Sebanyak dua jalan turut ditutup untuk semua kenderaan iaitu di Kilometer (KM) 24 Bukit Pengorak Cherating dan KM18 Jalan Pintasan Kuantan selepas Balai Bomba Gebeng," demikian menurut laman web itu.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Ke-

majuan Kampung (JKKK) Kampung Balok, Mohd. Zainol Ali berkata, mangsa di Dewan Balok mula dipindahkan kira-kira pukul 8 pagi ini selepas kediaman mereka dinaiki air.

"Kita sudah mendaftarkan semua mangsa terbabit dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah juga menyalurkan bantuan seperti makanan dan selimut," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, seorang penduduk, **Wan Shafariah Wan Osman**, 30, berkata, kawasan berkenaan dilanda banjir kali kedua dalam tempoh dua minggu.

"Kejadian ini benar-benar mengejutkan sebab baru minggu lalu kami dipindahkan, juga akibat banjir. Hujan lebat sejak pukul 3 pagi tadi menjadi punca air melimpah dari parit berhampiran ke kawasan kampung kami," katanya.

Seorang lagi mangsa, **Wan Jeriah Wan Musa**, 54, berkata, air menaiki rumahnya dalam masa kurang sejam menyebabkan dia dan anaknya tidak sempat menyelamatkan peralatan rumah.



BEGINILAH keadaan di Kampung Haji Wan Musa, Kuantan selepas dilanda gelombang banjir kedua sehingga memaksa 157 mangsa membabitkan 32 keluarga dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir di daerah ini berikutan hujan lebat sejak awal pagi semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI